

Headline	Individu berisiko dijangkiti HIV disaran lakukan ujian: Musa		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	17 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	22,425
Page No	2	Readership	134,550
Language	Malay	ArticleSize	467 cm ²
Journalist	MARRYAN RAZAN	AdValue	RM 2,317
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,951



Individu berisiko dijangkiti HIV disaran lakukan ujian: Musa

OLEH MARRYAN RAZAN
marrayan@newsabah-times.com.my

KOTA KINABALU: Individu yang terdedah atau berisiko dijangkiti HIV disaran melakukan ujian bagi mengesan jangkitan seterusnya mendapatkan rawatan secara percuma di mana-mana klinik atau hospital kerajaan seluruh Sabah.

Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata, kerajaan sememangnya memberikan komitmen dan sokongan penuh dalam usaha memastikan langkah-langkah pencegahan dilaksanakan meliputi semua lapisan masyarakat dengan menyediakan pelbagai kemudahan.

Katanya ini termasuk penyediaan kemudahan skop pengesanan kes, pencegahan jangkitan, rawatan dan sokongan.

"Pada masa yang sama, kerajaan juga telah menyediakan ujian saringan meliputi ujian saringan pra-perkahwinan, ujian HIV bagi ibu mengandung, ujian terhadap kontrak pesakit HIV dan lain-lain di semua fasiliti Klinik Kesihatan dan Hospital Kerajaan secara percuma.

"Sehubungan itu saya ingin menyeru semua pihak terutamanya kepada mereka yang terdedah atau berisiko dijangkiti HIV untuk melakukan ujian bagi mengesan jangkitan dan seterusnya mendapatkan rawatan yang disediakan secara percuma di mana-mana klinik atau kemudahan kesihatan kerajaan di seluruh negeri," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan sempena perasmian sambutan Hari Aids Sedunia Peringkat Negeri Sabah, di Auditorium Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, di sini, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Radin Malleh.

Musa berkata, sambutan Hari Aids sedunia bukan sahaja dapat meningkatkan kesedaran mengenai wabak Aids yang disebabkan oleh jangkitan HIV tetapi juga menggerakkan sokongan bagi mencegah dan membentasi penularan penyakit itu.

"Tema sambutan Hari Aids Sedunia tahun ini ialah 'Menuju Sifar'. Tema ini ditetapkan oleh Joint United Nations Programme on HIV and

Aids (UNAIDS) untuk tempoh lima tahun bermula dari tahun 2011 hingga tahun 2015.

"Bagi Malaysia, di samping tema berkenaan, kita telah memilih slogan 'Tanggungjawab Bersama' sebagai slogan iringan bagi tema tahun ini, menjadikan tema dan slogan keseluruhan sebagai 'Menuju Sifar - Tanggungjawab Bersama'," katanya.

Beliau berkata tema itu amat sesuai kerana ia mengajak semua pihak khususnya di negeri ini dan amnya Malaysia untuk saman-sama menanganai HIV/Aids.

Katanya, tema dan slogan sambutan Hari Aids Sedunia seiring dengan objektif Projek Bandaraya Kota Kinabalu menuju Sifar HIV 2020.

Sehubungan itu Musa berkata, tanggungjawab untuk menangani HIV/Aids memerlukan penglibatan dan komitmen pelbagai pihak bukan hanya dipertanggungjawabkan kepada kerajaan semata-mata.

"Peranan mereka yang dijangkiti, individu yang berisiko serta keluarga mereka juga amat penting dalam usaha memerangi dan membentasi HIV dan Aids," katanya.



LANCAR ... Radin (dua, kanan) ketika melancarkan Hari Aids Sedunia peringkat negeri Sabah. Turut kelihatan Dr.Christina (kanan sekali) dan Abidin (dua, kiri).



WATIKAH PELANTIKAN ... Radin (kanan) menyampaikan watikah pelantikan kepada salah seorang ahli jawatankuasa Projek Bandaraya Kota Kinabalu Menuju Sifar HIV 2020.